

Mini Karnival Anjuran Duta Jauhar UMP Meriah



Johor Bahru, 30 Januari – Projek Duta Jauhar Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang bertemakan “21st Century Women” menjayakan Mini Karnival sempena Sosial Market Saya (Mon Marche Social) yang dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) Negeri Johor.

Karnival yang berlangsung di perkarangan Klinik 1Malaysia di Kompleks Galleria @ Kotaraya Johor Bahru baru-baru ini menampilkan seramai 15 orang usahawan yang merupakan peserta di bawah projek Duta Jauhar UMP dan Sosial Market Saya yang merupakan salah satu inisiatif JPW dalam usaha membantu golongan wanita dan ibu tunggal sekitar bandaraya Johor Bahru yang baru mencebur diri dalam perniagaan.

Pengarah projek, Nur Fairuz Hamzaki berkata, mini karnival ini bertujuan untuk memberikan peluang kepada para peserta untuk memasarkan hasil produk mereka sendiri di booth yang telah disediakan.

“Peluang ini membolehkan peserta mempelajari cara untuk memasarkan produk mereka dengan lebih baik supaya dapat menarik perhatian pengunjung kompleks ini,” katanya.

Selain itu, pelbagai program diadakan untuk menarik perhatian pengunjung ini seperti pengedaran flyers kepada pengunjung, persembahan busker tempatan, pertandingan mewarna kategori kanak-kanak, cabutan bertuah dan lain-lain.



Beliau berharap melalui program mini karnival seperti ini dapat memberikan peluang yang cerah kepada semua usahawan supaya dapat memulakan langkah dalam memasarkan produk masing-masing. Bukan itu sahaja, mereka juga dapat meneruskan langkah sehingga dapat membuka kedai, brand dan seterusnya kilang sendiri.

Bagi Pengarah Duta Jauhar dari Ikatan Siswa Anak Darul Ta'azim (ISKANDAR), Siti Norhidayah Samsuri berkata, pihaknya berbangga dengan komitmen peserta yang berjaya menjalani beberapa siri program sebelum ini sehingga mereka mampu mencebur diri dalam karnival seperti ini.

Katanya, peserta sebelum ini telah mengikuti beberapa program antaranya Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-Kit) dan Program Inkubator Keusahawanan Wanita (I-KeuNITA) yang memfokuskan mengenai pengurusan kewangan, panduan dalam memulakan sesebuah perniagaan dan kepentingan menjaga kesihatan bagi seorang usahawan.

Sementara itu menurut Zabedah Salleh dari Taman Molek Johor Bahru, 50, yang membuka booth jualan rempeyek pelbagai perisa dan bangkit cheese menyokong penuh usaha mahasiswa UMP yang sanggup turun padang dalam membantu usahawan tempatan. Beliau kini merupakan salah seorang usahawan yang kini dalam usahanya membuka kilang sendiri.

Majlis perasmian penutup program 21st Century Women dan Projek Duta Jauhar disempurnakan Pengarah JPW, Ali Taib.



Berita disediakan oleh Siti Norhidayah Samsuri dari Ikatan Siswa Anak Darul Ta'azim (ISKANDAR) dan suntingan Bahagian Komunikasi Korporat.

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 04-02-2016, 09:05:17